

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic Partners:



Lembaga Muzium Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat University, Thailand



Far Eastern University Philippines



Hanseo University Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1


Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjualan
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com

Samiati

Geometrik Songket



Diambil dari kefahaman dari Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 17, 2006, ESTETIKA DAN KEINDAHAN SONGKET MELAYU yang ditulis oleh Othman Mohd Yatim, Zainal Abidin Borhan, Mohammad Nazzri Ahmad dan Mohamad Anis Abdul Samad yang menggabungkan pendekatan Ku Zam Zam Ku Idris (1984) dan Zakaria Ali (1989) dalam melihat keindahan songket Melayu. Berdasarkan gabungan pendekatan-pendekatan tersebut dapat dirumuskan bahawa dalam melihat keindahan seni songket Melayu secara keseluruhannya, dapat dilihat daripada tiga prinsip utama iaitu prinsip bijak, baik, dan benar. Dalam seni songket Melayu, bijak dilihat dari sudut kebijaksanaan melalui kemahiran yang

dimiliki oleh penenun Melayu dalam menghasilkan songket. Dalam seni Songket Melayu, baik dilihat melalui penghasilan songket yang bersesuaian dengan kehendak dan nilai dalam masyarakat. Dalam seni Songket Melayu, benar itu dilihat dari kesesuaian yang berpadanan, berpatutan, serasi, secocok, dan tidak membazir yang mana kesemuanya tadi bermaksud bahawa kain songket tidak dihasilkan dalam keadaan nipis dan pakaian yang diperbuat daripada songket kebiasaannya tidak ketat.

Bentuk motif songket terdiri dari unsur dan bahagian alam. Disebabkan oleh cara menenun itu sendiri maka semua bentuk motif dilahirkan dalam gaya geometri. Corak-corak geometri diaplikasikan secara universal pada songket sebagai dekorasi atau hiasan dengan kaedah yang dirumuskan dengan jelas dan menggabungkan sistem adaptasi komposisi yang membolehkan kepelbagaian variasi dan inovasi.

Kertas kerja bertajuk Creating New Design Using Songket Motifs Via Optical Art Method, hasil penulisan oleh pengkarya sendiri (Wan Samiati Andriana W.M.D) serta Norazlin A dibentangkan di International Conference on Scientific & Social Research (ICCAIE2010 / CSSR 2010 / ICOS2010) pada 5-7 Disember 2010, Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur {IEEE/SCOPUS/ISI} menyatakan bahawa, seni optik (ilusi) telah digunakan sebagai pendekatan dalam meneliti dan mencari yang sesuai dengan motif songket terutama menghasilkan karya seni baru. Selain itu, beberapa prinsip lain juga telah digunakan dan dikaji seperti pengulangan dan pengaturan motif songket seperti struktur

modular, gabungan berurutan dan pengulangan. Melalui beberapa penyelidikan yang relevan, diperhatikan bahawa selain bidang tekstil, motif songket mempunyai potensi besar untuk dikembangkan ke bidang lain, seperti seni bina dan reka bentuk dalaman. Bentuk-bentuk geometri, digabungkan, diulang, dihubungkan, dan disusun menjadi kombinasi lengkap dalam salah satu ciri khas kesenian dalam Islam iaitu 'Arabesque'. Susunan sebegini jugak bermaksud yang mana tiada permulaan dan tiada penghujungnya. Ini merupakan satu konsep Islam yang mengagungkan sifat Allah.

Motif biasanya merujuk kepada estetika Melayu. Motif songket memerlukan penyusunan dan pengiraan. Keseimbangan karya penting memandangkan motif songket itu sendiri memerlukan ukuran dan ketepatan. Pengertian bentuk geometri dan motif songket ini berpandukan ciri-ciri pernyataan Estetika Tauhid, diperkenalkan oleh Al-Fauqi berkaitan struktur modular. Songket menunjukkan pengayaan budaya Melayu dan Islam telah mengemaskan lagi keindahan itu. Sesungguhnya kemasukan pelbagai budaya mengayakan songket Melayu dan kemasukan Islam mengemaskan lagi keindahannya itu.



SAMIATI
Geometrik Songket


Digital
31.86 inci X 32.22 inci
samiatiandriana@gmail.com

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

ISBN 978-967-2948-13-1



9 789672 948131



Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani

